



## **KENYATAAN RASMI MUFTI KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

### **GARIS PANDUAN SAMBUTAN HARI RAYA KETIKA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP COVID-19)**

Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang yang telah bersidang pada 22 April 2020 bersamaan 28 Syaaban 1441H telah memutuskan seperti berikut:

- i. Panduan Solat Hari Raya Aidilfitri Dalam Tempoh PKP
  - (a) Solat sunat hari raya hendaklah dilaksanakan di rumah masing-masing;
  - (b) Solat sunat hari raya boleh dilaksanakan tanpa atau dengan khutbah mengikut kemampuan dan kesesuaian;
  - (c) Hanya dibenarkan berjemaah dalam kalangan ahli keluarga dalam rumah tersebut sahaja;
  - (d) Ahli keluarga yang baru sembuh dari COVID-19 dan yang diarahkan untuk kuarantin di rumah tidak dibenarkan menyertai solat sunat secara berjemaah. Walau bagaimanapun, kedua-dua individu dalam kategori tersebut boleh melaksanakan solat sunat hari raya secara bersendirian;
  - (e) Pesakit dan petugas di hospital dibenarkan melaksanakan solat sunat hari raya tertakluk kepada peraturan dan arahan yang ditetapkan oleh pihak KKM;
  - (f) Bagi petugas yang diamanahkan bertugas di masjid dan surau, mereka boleh melaksanakan solat sunat hari raya tertakluk kepada pekeliling dan arahan yang ditetapkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHEAIPP).

ii. Panduan Takbir Hari Raya Aidilfitri

- (a) Takbir hari raya merupakan syiar Islam yang disunatkan untuk dilakukan bermula terbenam matahari pada akhir terakhir Ramadan dan berpanjangan sehingga solat sunat hari raya hendak dilaksanakan;
- (b) Takbir hari raya di masjid dan surau hanya dilaksanakan oleh imam, bilal dan siak sahaja atau dengan menggunakan rakaman;
- (c) Digalakkan untuk setiap keluarga melaungkan takbir hari raya di rumah masing-masing sehingga sebelum solat sunat hari raya dilaksanakan;
- (d) Takbir dari rumah ke rumah pada malam hari raya adalah tidak dibenarkan;
- (e) Pengendali stesen radio dan televisyen disarankan untuk menyiaran rakaman takbir hari raya yang sedia ada dengan meletakkan kapsyen "Rakaman ini telah dibuat sebelum tempoh PKP".

Sekian, dimaklumkan.



**(DATO' SERI DR WAN SALIM BIN WAN MOHD NOOR)**

Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Fatwa

**22 April 2020 / 28 Syaaban 1441H**